



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH MENENGAH

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

EKONOMI ASAS

TINGKATAN IV & V



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

KANDUNGAN

Rukun Negara	v	Tajuk-tajuk Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas	xxii
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	vii	<i>Tingkatan 4</i>	
Kata Pengantar	ix	Pengenalan kepada Ekonomi Pendapatan dan Penggunaan	1 - 6
Pendahuluan	xi	Pendapatan Individu	7 - 13
Matlamat	xi	Isi Rumah sebagai Pengguna Firma sebagai Pengeluar Pasaran	14 - 17 18 - 22 23 - 26
Objektif	xi	<i>Tingkatan 5</i>	
Organisasi Kandungan	xii	Wang dan Institusi Kewangan	27 - 31
Kemahiran Berfikir dan Kemahiran Generik	xiv	Ekonomi Malaysia Hubungan Ekonomi Antarabangsa	32 - 37 38 - 44
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	xvii		

RUKUN NEGARA

Bahawasanya negara kita Malaysia, mendukung cita-cita hendak mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip berikut :-

**KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN**

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah lebih memperkembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat dan negara.

KATA PENGANTAR

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan kandungan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad 21.


Dokumen ini dihasilkan dengan tujuan membantu guru mentafsir serta memantapkan pemahaman tentang matlamat, objektif dan isi kandungan Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas KBSM. Secara khusus Huraian Sukatan Pelajaran ini dapat membantu guru menyediakan serta melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan dengan berpandukan bidang atau unit pembelajaran, isi kandungan, hasil pembelajaran serta cadangan aktiviti pembelajaran yang diolah secara terperinci.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharap dapat memberi penekanan kepada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran belajar cara belajar, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi, kecerdasan pelbagai, pembelajaran masteri, pembelajaran secara kontekstual, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran akses sendiri. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberi keyakinan kepada murid dan diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Dalam melaksanakan mata pelajaran Ekonomi Asas, guru perlu memastikan murid boleh memahami konsep asas ekonomi dan boleh menaakul secara logik isu-isu ekonomi yang mempengaruhi kehidupan mereka sebagai pengguna, pengeluar dan warganegara. Pengajaran dan pembelajaran hendaklah dilakukan secara berkesan dengan memberi tumpuan kepada penglibatan murid secara aktif dalam suasana yang kondusif dan menggembirakan.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran ini banyak pihak yang terlibat terutamanya guru, pensyarah maktab, pensyarah universiti serta pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



(**Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN**)

Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia

PENDAHULUAN

Mata pelajaran Ekonomi Asas adalah satu mata pelajaran elektif untuk Tingkatan IV dan V. Kurikulum Ekonomi Asas digubal dengan tujuan memberi murid pemahaman teguh mengenai prinsip asas ekonomi bagi membantu murid memahami dunia moden dan membuat keputusan yang akan membentuk masa depan. Melalui mata pelajaran ini, murid dapat memahami masalah yang berpunca daripada sumber terhad dan membuat pilihan yang rasional tentang penggunaannya. Pemahaman ekonomi juga dapat membantu individu memainkan peranan sebagai pengguna dan pengeluar yang bertanggungjawab dalam masyarakat.

Selain itu murid juga dapat memahami dan menghargai fungsi serta peranan bank dan institusi kewangan lain di samping memperoleh kemahiran mencari, memahami serta menilai maklumat yang berkaitan dengan ekonomi. Murid juga dapat memahami masalah ekonomi negara Malaysia dan perdagangan antarabangsa. Dengan ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperolehi, murid dapat memainkan peranan yang berkesan dan bermakna dalam kehidupan seharian.

Sukatan pelajaran Ekonomi Asas dirancang dan digubal untuk menyumbang ke arah pembinaan insan yang baik, seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani selaras dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan.

Kurikulum Ekonomi Asas diperjelas dalam dua dokumen, iaitu Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran. Sukatan pelajaran menggariskan matlamat, objektif, penekanan dan kandungan kurikulum secara umum. Huraian Sukatan Pelajaran memperincikan kehendak kurikulum Ekonomi Asas di mana maklumat tentang matlamat dan objektif kurikulum,

penerangan ringkas tentang kemahiran berfikir, kemahiran generik, strategi pengajaran dan pembelajaran dan organisasi isi kandungan dimasukkan. Organisasi kandungan ini memberi spesifikasi tentang kurikulum melalui hasil pembelajaran yang dihasratkan dan cadangan aktiviti pembelajaran.

MATLAMAT

Kurikulum Ekonomi Asas adalah untuk membekalkan murid dengan pengetahuan dan kemahiran asas ekonomi di samping memupuk nilai-nilai murni dan semangat patriotik supaya mereka dapat menyedari dan memahami masalah ekonomi, menghargai sumbangan daripada segala kegiatan ekonomi serta menyelesaikan masalah kehidupan dengan berkesan dan bertanggungjawab.

OBJEKTIF

Kurikulum Ekonomi Asas adalah untuk membolehkan murid mencapai objektif berikut ;

1. memahami konsep dan prinsip asas ekonomi
2. menghubungkan konsep dan prinsip asas ekonomi dengan kehidupan seharian
3. mengenal pasti dan prihatin terhadap masalah dan isu ekonomi semasa

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM

4. menggunakan pengetahuan dan kemahiran yang dipelajari supaya dapat berperanan sebagai pengguna, pengeluar, ahli masyarakat dan warganegara yang bijak, rasional dan bertanggungjawab
5. mengamalkan dan menghayati nilai-nilai sosial dan ekonomi serta membuat keputusan dengan bertanggungjawab untuk kesejahteraan diri, keluarga, masyarakat dan negara, dan
6. memupuk dan mengembangkan potensi, minat serta sikap ingin tahu terhadap fenomena ekonomi.

ORGANISASI KANDUNGAN

Huraian Sukatan Pelajaran mata pelajaran Ekonomi Asas adalah perincian daripada Sukatan Pelajaran Ekonomi Asas bagi Tingkatan IV dan V. Huraian ini disusun mengikut:

1. Bidang/Unit Pembelajaran
2. Isi Kandungan
3. Hasil Pembelajaran
4. Cadangan Aktiviti Pembelajaran

1. Bidang/Unit Pembelajaran

Lajur Bidang/Unit Pembelajaran ini memperincikan kepada isi kandungan utama yang perlu diajar.

2. Isi Kandungan

Lajur Isi Kandungan menerangkan tentang konsep, prinsip dan liputan tajuk/sub-tajuk di bawah bidang/unit pembelajaran.

3. Hasil Pembelajaran

Lajur Hasil Pembelajaran ditulis dalam bentuk objektif pembelajaran umum mengikut domain kognitif dan psikomotor. Setiap hasil pembelajaran seterusnya diperincikan kepada tiga aras, iaitu Aras I, Aras II dan Aras III. Objektif pembelajaran khusus dalam ketiga-tiga aras ini ditulis dalam bentuk objektif perlakuan yang boleh diukur. Objektif perlakuan ini mengandungi unsur pengetahuan, kemahiran berfikir dan nilai-nilai murni yang sesuai dengan objektif pembelajaran umum yang dinyatakan dalam hasil pembelajaran. Aras I, Aras II dan Aras III merujuk kepada kedalaman dan skop hasil pembelajaran yang berkenaan. Aras I adalah aras yang asas dan perlu dikuasai oleh semua murid sebelum meningkat ke Aras II dan seterusnya ke Aras III.

4. Cadangan Aktiviti Pembelajaran

Lajur Cadangan Aktiviti Pembelajaran membantu guru melaksanakan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik dan berkesan. Cadangan aktiviti yang mengambil kira Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif (KBKK) serta menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi. Cadangan aktiviti yang disediakan memberi cadangan pengalaman pembelajaran yang akan dilalui oleh murid. Satu aktiviti yang dicadangkan mungkin untuk mencapai satu atau lebih objektif pembelajaran dan sebaliknya lebih

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM

daripada satu aktiviti diperlukan untuk mencapai satu objektif pembelajaran. Guru boleh mengubahsuaikan cadangan aktiviti ini sesuai dengan tahap kecerdasan, kebolehan dan juga keadaan sekeliling murid. Pertimbangan ke atas perkara-perkara seperti konsep penting yang perlu difahami, teknik yang perlu dikuasai, kemahiran yang perlu diperkembang dan pengetahuan yang perlu diperoleh juga diambil kira. Guru digalakkan merekabentuk aktiviti tambahan yang inovatif dan berkesan untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran Ekonomi Asas.

Aras Hasil Pembelajaran

Aras I

Aras I adalah aras asas yang perlu dikuasai oleh semua murid. Pada aras ini murid perlu menguasai beberapa konsep dan prinsip asas ekonomi. Hasil pembelajaran kognitif yang terkandung di aras ini adalah sekadar pengetahuan dan kefahaman. Pengetahuan yang diperolehi ditunjukkan dengan mengingat semula fakta, istilah dan konsep asas. Objektif perlakuan ternyata yang boleh digunakan adalah seperti mengenal pasti, mentakrif, menerang, menyata, memberi contoh dan menyenaraikan.

Aras II

Pada aras ini murid dapat mengaplikasi maklumat dan fakta yang diperolehi dalam pelbagai cara. Murid juga menunjukkan kefahaman mengenai fakta-fakta dan ide dengan menyusun, membanding, menterjemah, menghurai dan membincang ide utama. Objektif perlakuan

ternyata yang digunakan adalah seperti mengira, membeza, membincang, menentu, menghurai, mentafsir, membuat ramalan dan mengklasifikasi.

Aras III

Aras ini melibatkan kebolehan menganalisis, membahas, menyusun, menilai dan membanding beza maklumat. Murid juga perlu dapat mencerakin maklumat dengan mengenal pasti motif dan sebab. Objektif perlakuan ternyata yang digunakan adalah seperti membanding, menilai, menganalisis, membina, menentukan, memberi justifikasi, merumus dan mengaitkan.

Tidak semua objektif hasil pembelajaran mengandungi semua aras I, II dan III. Ada di antara objektif hasil pembelajaran berhenti setakat aras II sahaja. Ini kerana pada aras II murid telah dapat mencapai sepenuhnya objektif hasil pembelajaran yang dicadangkan.

Ada kemungkinan tidak semua murid berkemampuan menguasai aras II dan III. Walau bagaimanapun guru hendaklah meneruskan proses pengajaran dan pembelajaran hingga ke aras III untuk semua murid.

Kandungan mata pelajaran Ekonomi Asas disusun dalam lapan tajuk. Tajuk-tajuk untuk Tingkatan IV ialah:

1. Pengenalan kepada Ekonomi
2. Pendapatan dan Penggunaan Pendapatan Individu
3. Isi Rumah sebagai Pengguna
4. Firma sebagai Pengeluar, dan
5. Pasaran

Tajuk-tajuk untuk Tingkatan V pula ialah:

6. Wang dan Institusi Kewangan
7. Ekonomi Malaysia, dan
8. Hubungan Ekonomi Antarabangsa

Kandungan pelajaran Ekonomi Asas Tingkatan IV memberi pemahaman kepada murid tentang masalah ekonomi dan hubungannya dengan aktiviti individu daripada aspek pendapatan, perbelanjaan, tabungan, pinjaman dan pelaburan. Murid juga diberi penerangan tentang peranan pengguna dan pengeluar serta kaitannya dengan sektor isi rumah dan firma. Di peringkat ini, murid diperkenalkan dengan konsep permintaan dan penawaran serta interaksi dan hubungan antara kedua-duanya dalam pasaran.

Kandungan pelajaran Tingkatan V pula memberi tumpuan kepada konsep wang dan institusi kewangan memandangkan kepentingan dan peranannya dalam kegiatan ekonomi negara. Perubahan struktur dan perkembangan ekonomi negara serta peranan kerajaan dalam pembangunan negara juga diberi tumpuan. Oleh kerana perdagangan antarabangsa adalah penting dalam ekonomi global, maka hubungan ekonomi antarabangsa juga dibincangkan.

KEMAHIRAN BERFIKIR DAN KEMAHIRAN GENERIK

Guru perlu menekankan kemahiran berfikir dan kemahiran generik semasa proses pengajaran dan pembelajaran.

Kemahiran Berfikir

Berfikir merupakan satu proses mental yang memerlukan interaksi antara pengetahuan, kemahiran dan sikap bagi membolehkan individu memahami dan mencorakkan alam sekelilingnya. Sesuai dengan objektif pendidikan iaitu untuk menghasilkan individu yang berfikir, maka kurikulum Ekonomi Asas menekankan pengajaran dan pembelajaran yang berteraskan kemahiran berfikir. (Jadual 1 dan 2).

Kemahiran berfikir boleh digolongkan kepada kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif. Individu yang berfikir secara kritis akan sentiasa menilai sesuatu ide dengan sistematik sebelum membuat keputusan. Individu yang berfikir secara kreatif mempunyai daya imaginasi yang tinggi, berupaya menjana ide yang inovatif dan asli, serta jika perlu boleh mengubahsuai ide dan produk sedia ada.

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM

Kemahiran berfikir terdiri daripada dua kemahiran iaitu kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif

i. Kemahiran Berfikir secara Kritis

Kemahiran Berfikir Secara Kritis yang diberi penekanan adalah seperti dalam Jadual 1

Kemahiran	Huraian
Mencirikan	Mengenal pasti kriteria seperti ciri, sifat, kualiti dan unsur sesuatu konsep.
Membanding dan membeza	Mencari persamaan dan perbezaan berdasarkan kriteria seperti ciri, sifat, kualiti dan unsur sesuatu konsep atau situasi.
Mengumpul dan mengelaskan	Mengumpul dan mengelaskan sesuatu konsep kepada kumpulan masing-masing berdasarkan kriteria tertentu seperti ciri atau sifat. Pengumpulan ini adalah berdasarkan ciri atau sifat sepunya.
Menganalisis	Mengolah maklumat dengan menghuraikannya kepada bahagian yang lebih kecil bagi memahami sesuatu konsep atau situasi serta mencari makna yang tersirat.
Menilai	Membuat pertimbangan tentang sesuatu perkara dari segi kebaikan dan keburukan, berdasarkan bukti atau dalil yang sah.
Membuat kesimpulan	Membuat pernyataan tentang hasil sesuatu kajian.

Jadual 1: Kemahiran Berfikir Secara Kritis

ii. Kemahiran Berfikir secara Kreatif

Kemahiran Berfikir Secara Kreatif yang diberi penekanan adalah seperti dalam Jadual 2

Kemahiran	Huraian
Menjana ide	Menghasilkan ide yang berkaitan dengan sesuatu perkara.
Menghubungkait	Membuat perkaitan dalam sesuatu keadaan atau peristiwa untuk mencari sesuatu struktur atau corak perhubungan.
Membuat inferens	Membuat kesimpulan awal yang munasabah, sama ada benar atau tidak benar untuk menerangkan sesuatu peristiwa atau pemerhatian.
Meramal	Membuat jangkaan tentang sesuatu peristiwa berdasarkan pemerhatian dan pengalaman lalu atau data yang boleh dipercayai.
Mensintesis	Menggabungkan unsur yang berasingan untuk menghasilkan satu gambaran menyeluruh dalam pelbagai bentuk seperti pernyataan, lukisan dan artifak.

Jadual 2: Kemahiran Berfikir Secara Kreatif

iii. Kemahiran Generik

Selain kemahiran membaca, menulis dan mengira, kemahiran generik juga perlu diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran generik meliputi kemahiran berkomunikasi, menyelesaikan masalah, berfikir secara kritis dan kreatif serta berkeupayaan untuk mengumpul dan menganalisis maklumat. Justeru, dapat membina budaya sekolah yang menitikberatkan kemahiran-kemahiran yang boleh digunakan.

Kemahiran generik berunsurkan kemahiran, kecekapan dan ketrampilan. Dalam sistem persekolahan di Malaysia, kemahiran generik yang dikenal pasti perlu untuk murid meneroka ruang-ruang ilmu seperti di dalam Jadual 3:

Kemahiran	Huraian
Berhubung	Kebolehan nyata, menghurai, menjawab soalan, berucap dan menulis. Melibatkan komunikasi ide dan informasi.
Menggunakan teknologi	Melibatkan kemahiran penggunaan alatan dengan memahami dan menggunakan kaedah saintifik serta prinsip teknologi tanpa mengenyahkan etika dan tanggungjawab sosial.
Merancang dan mengelola aktiviti	Kebolehan merancang dan mengelola aktiviti sendiri termasuk penggunaan masa dan sumber, menentukan keutamaan dan memantau kemajuan pembangunan diri.

Kemahiran	Huraian
Bekerja dengan orang lain dan secara berkumpulan	Kemampuan berinteraksi dengan individu lain atau dalam kumpulan.
Menyelesaikan masalah	Kemahiran menyelesaikan masalah dengan pelbagai cara dan dalam pelbagai situasi yang memerlukan pemikiran dan pendekatan kreatif.
Mengurus, memilih dan menganalisis maklumat	Kebolehan mengenal pasti, menilai, memilih dan menggunakan maklumat secara berfaedah.
Menggunakan ide dan teknik matematik	Kebolehan menggunakan ide dan prinsip matematik dalam menyelesaikan masalah kehidupan seharian.
Memahami budaya	Kebolehan menghayati unsur-unsur seperti perpaduan, bertolak ansur dan saling hormat-menghormati.

Jadual 3: Kemahiran Generik

Kemahiran-kemahiran generik yang dikenal pasti sebenarnya telah sedia ada dalam kurikulum pendidikan. Oleh itu, penekanan serta fokus yang lebih jitu hendaklah diberi keutamaan.

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Dalam pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini, tumpuan diberi kepada peranan individu sebagai pengguna, pengeluar dan anggota masyarakat. Oleh itu, guru hendaklah mengaitkan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran ini dengan peranan tersebut dalam tajuk-tajuk yang sesuai. Guru perlu juga menggunakan pendekatan kontekstual supaya murid dapat memahami dan menyedari isu serta kegiatan ekonomi yang berkait rapat dengan kehidupan seharian mereka.

Dalam menghadapi realiti kebolehan dan potensi murid yang berbeza-beza, strategi pengajaran dan pembelajaran yang berkesan adalah penting, dan ia dapat memberi pengalaman yang bermakna serta mencabar kepada murid. Perkembangan terkini dalam pedagogi seperti konstruktivisme, pembelajaran masteri dan teori kecerdasan pelbagai perlu dijadikan amalan pengajaran dan pembelajaran Ekonomi Asas.

Bagi membantu guru mempelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran, beberapa contoh aktiviti dan kaedah pengajaran dicadangkan, seperti kajian kes, simulasi, sumbangsaran, kajian masa depan, perbincangan, main peranan, lawatan, permainan dan projek. Guru perlu menggunakan kebijaksanaan memilih kaedah yang paling sesuai dengan tajuk dan kemampuan murid supaya pelajaran yang disampaikan itu menarik, mencabar, bermakna dan berkesan serta dapat dihayati oleh murid. Bahan bantu mengajar yang sesuai juga perlu digunakan untuk memastikan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Melalui strategi pengajaran dan pembelajaran yang terancang, murid akan memperoleh pemahaman yang kukuh tentang konsep, prinsip dan pengetahuan asas ekonomi. Murid juga mampu menguasai pelbagai kemahiran seperti mencari, memahami dan menilai maklumat yang berkaitan dengan ekonomi.

Maklumat daripada laporan, makalah dan sumber-sumber berasaskan teknologi maklumat dan komunikasi wajar digunakan untuk membincangkan isu dan masalah ekonomi semasa. Guru hendaklah menggalakkan murid mengumpul maklumat daripada sumber-sumber yang bersesuaian. Dengan ini proses pengajaran dan pembelajaran pelbagai hala dapat diwujudkan. Justeru, kemahiran murid membincang dan menganalisis masalah ekonomi yang mudah serta membuat keputusan dengan bijak dan bertanggungjawab dapat ditingkatkan. Murid juga dapat menggunakan istilah dan laras bahasa ekonomi secara jelas dan tepat.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran, nilai-nilai murni dan semangat patriotik dipupuk secara bersepadu. Pengalaman daripada pembelajaran Ekonomi Asas boleh memupuk sikap dan nilai positif dalam diri murid. Penerapan nilai-nilai murni boleh dilakukan sama ada secara bersahaja atau terancang tetapi perlulah berterusan semasa pengajaran dan pembelajaran. Walaupun nilai-nilai murni yang harus diterap tidak dinyatakan secara khusus dalam hasil pembelajaran, guru hendaklah merancang dengan rapi agar penerapan nilai-nilai ini dapat dilaksanakan secara optimum. Oleh itu, guru digalakkan agar meneliti semua hasil pembelajaran dalam sesuatu bidang pembelajaran sebelum memulakan pelajaran.

Untuk memastikan strategi pengajaran dan pembelajaran ini berkesan, guru hendaklah sentiasa menggunakan Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran semasa merancang pengajaran dan pembelajaran. Semoga dengan ini strategi yang dirancang mampu melahirkan pengguna, pengeluar dan ahli masyarakat yang bertanggungjawab.

Perkembangan Terkini Dalam Pedagogi Yang Perlu Diambil Kira

Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual adalah pembelajaran yang dikaitkan dengan kehidupan seharian murid, iaitu murid belajar secara menyiasat. Dalam pembelajaran kontekstual, kaitan antara bahan yang diajar mempunyai kaitan secara lansung dengan kehidupan harian dieksplisitkan. Dalam konteks ini, murid tidak belajar secara teori sahaja tetapi dapat menghayati kesesuaian pembelajaran Ekonomi Asas dengan kehidupan mereka.

Pendekatan Konstruktivisme

Pendekatan konstruktivisme menganggap bahawa pembelajaran adalah satu proses aktif iaitu murid membina sendiri ide atau konsep baru berasaskan kepada pengetahuan sedia ada. Murid menghubungkan ide asal dengan ide baru bagi menstruktur semula ide mereka. Dari segi pengajaran dan pembelajaran guru hendaklah menggunakan kaedah penemuan iaitu guru dan murid berdialog secara aktif. Murid berpeluang bekerjasama, berkongsi ide dan pengalaman serta membuat refleksi.

Pembelajaran Masteri

Pembelajaran Masteri merupakan satu pendekatan yang memastikan semua murid menguasai objektif pembelajaran yang ditetapkan. Pendekatan ini berpegang kepada prinsip bahawa setiap murid mampu belajar dengan syarat wujudnya pengajaran dan pembelajaran berkualiti dan masa yang mencukupi. Murid perlu diberi peluang untuk belajar mengikut kadar kemampuannya. Kemajuan murid dinilai dan seterusnya aktiviti pengayaan dan pemulihan diadakan.

Kecerdasan Pelbagai

Teori Kecerdasan Pelbagai menyatakan bahawa manusia mempunyai sekurang-kurangnya lapan kecerdasan (intelligences) yang merangkumi pelbagai kebolehan, keupayaan, bakat atau kemahiran yang wujud secara semulajadi. Tahap kecerdasan bagi setiap elemen tersebut adalah berbeza dan ia boleh berubah mengikut masa dan kematangannya. Oleh itu kelapan-lapan kecerdasan boleh dipupuk dan dibangunkan. Teori ini juga menyatakan bahawa pembelajaran individu adalah lebih mudah sekiranya ia dijelaskan dalam bentuk yang seiring dengan kecerdasan dominan sedia ada individu. Kecerdasan yang dikenalpasti adalah verbal/linguistik, logik/matematik/ visual/ruang, kinestetik, muzik, interpersonal, intrapersonal dan naturalis.

Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Ekonomi Asas

Perbincangan

Perbincangan merupakan aktiviti di mana murid-murid dapat berinteraksi di antara satu sama lain serta berkongsi maklumat tentang sesuatu topik atau masalah dengan tujuan mencapai suatu penyelesaian. Murid terlibat secara aktif dalam kelas dan dikumpulkan dalam beberapa kumpulan untuk membincangkan sesuatu tugas, topik atau isu yang diberi oleh guru. Perbincangan adalah berfaedah kepada murid-murid supaya mereka berpeluang mengemukakan ide-ide dan dapat bertukar-tukar pendapat.

Sumbangsan

Teknik ini menyatukan ide murid untuk menyelesaikan sesuatu masalah tanpa interaksi antara mereka. Murid diberi soalan dan peluang untuk berfikir secara individu dan bersendirian. Strategi ini dapat merangsang imaginasi dan kreativiti murid. Murid-murid diminta memberi tindakbalas terhadap sesuatu masalah atau persoalan dengan mencatatkan segala perkaitan yang terlintas di fikiran mereka. Selepas sesi sumbangsan murid perlu menilai dan menyusun semula hasil sumbangsan.

Main Peranan

Main peranan memerlukan murid berlakon secara spontan tentang sesuatu situasi atau masalah. Strategi ini membolehkan murid membawa satu watak di mana murid berpeluang mengamati bagaimana orang lain berfikir dan

bertindak. Di samping itu, murid dapat memahami implikasi ekonomi ke atas motif dan tindakan orang lain yang terlibat dalam situasi ekonomi tertentu.

Simulasi

Simulasi merupakan situasi yang diwujudkan untuk menyerupai keadaan sebenar dengan tujuan menyelesaikan sesuatu masalah dalam keadaan yang terkawal. Kaedah ini menggalakkan murid menganalisis sesuatu situasi atau masalah ekonomi dengan berfikiran secara rasional dan kritis. Murid juga dapat mengaitkan isi pelajaran dengan bidang dan objektif pelajaran.

Kerja Projek

Teknik pengajaran secara kerja projek memerlukan murid mengumpul dan mengkaji maklumat mengenai sesuatu masalah serta membuat pelaporan dengan bimbingan guru. Projek dijalankan sebelum pengajaran dan mengambil masa yang panjang. Murid dikehendaki mengenal pasti kaedah untuk mengatasi masalah yang dikemukakan dan seterusnya merancang keseluruhan projek. Laporan disediakan pada akhir projek dan dibentangkan dalam kelas untuk dikaji dan dibincang bersama.

Lawatan

Teknik ini berfaedah kepada murid kerana melalui penggunaan semua deria, pembelajaran akan lebih menarik dan berkesan, misalnya, murid dapat melihat, merasa dan menghargai sesuatu aktiviti yang dijalankan melalui lawatan.

Kejayaan sesuatu lawatan bergantung kepada persediaan sebelum dan semasa lawatan serta aktiviti-aktiviti kumpulan selepas lawatan tersebut. Lawatan akan memberi pengalaman dan keseronokan kepada murid. Pembelajaran sedemikian dapat memberi kesan yang mendalam dan menjadikan pelajaran atau persembahan hasil itu lebih menarik.

Kajian Kes

Kajian kes merujuk kepada satu kajian tentang sesuatu situasi yang menunjukkan kaitannya dengan konsep dan prinsip ekonomi. Melalui kaedah ini, murid dikehendaki mengambil bahagian secara aktif dalam situasi ekonomi tertentu yang mungkin benar atau dijangka mungkin berlaku. Guru hendaklah menyediakan kes dengan perancangan yang teliti. Teknik-teknik lain juga boleh digunakan bersama dalam kajian kes ini.

TAJUK-TAJUK SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS

- 1. Pengenalan kepada Ekonomi**
- 2. Pendapatan dan Penggunaan Pendapatan Individu**
- 3. Isi Rumah sebagai Pengguna**
- 4. Firma sebagai Pengeluar**
- 5. Pasaran**
- 6. Wang dan Institusi Kewangan**
- 7. Ekonomi Malaysia**
- 8. Hubungan Ekonomi Antarabangsa**

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM
TINGKATAN 4

TINGKATAN 4

Bidang / Unit Pembelajaran	Isi Kandungan	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran
<p>1.0 Pengenalan kepada Ekonomi</p> <p>1.1 Pengertian ekonomi</p>	<p>Maksud ekonomi</p>	<p>Memahami maksud ekonomi</p> <p>Aras I</p> <ul style="list-style-type: none"> • menyenarai kehendak-kehendak individu dan masyarakat dengan contoh-contoh barang dan perkhidmatan • menyebut contoh-contoh sumber terhad yang dihadapi oleh individu • menamakan contoh-contoh sumber semulajadi (tanah), sumber manusia (buruh), modal dan usahawan dalam menghasilkan sesuatu barangan • menyatakan maksud ekonomi tanpa menggunakan takrif mana-mana ahli ekonomi tertentu <p>Aras II</p> <ul style="list-style-type: none"> • menerangkan maksud ekonomi dari sudut individu dan masyarakat <p><i>Nota:</i> <i>Istilah 'faktor pengeluaran' dan 'sumber ekonomi' mempunyai maksud yang sama</i></p>	<p>Membincangkan contoh kehendak-kehendak tidak terhad dan sumber-sumber terhad yang dihadapi oleh individu dan masyarakat serta mengaitkannya dengan takrif ekonomi</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM
TINGKATAN 4

Bidang / Unit Pembelajaran	Isi Kandungan	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran
<p>a. Masalah ekonomi</p>	<p>Konsep</p> <ul style="list-style-type: none"> • kekurangan • pilihan • kos lepas 	<p>Memahami konsep kekurangan, pilihan dan kos lepas</p> <p>Aras I</p> <ul style="list-style-type: none"> • menyatakan apa yang akan berlaku apabila sumber terhad dan kehendak tidak terhad • memberi contoh kos lepas yang wujud apabila individu membuat pilihan <p>Aras II</p> <ul style="list-style-type: none"> • menerangkan tiga unit ekonomi • menjelaskan situasi dengan berdasarkan contoh bagaimana isi rumah, firma dan kerajaan menghadapi masalah kekurangan • menerangkan motif ekonomi isi rumah, firma dan kerajaan • membincangkan kos lepas yang dihadapi oleh isi rumah, firma dan kerajaan apabila membuat keputusan yang melibatkan penggunaan sumber yang terhad <p>Aras III</p> <ul style="list-style-type: none"> • menganalisis bagaimana pilihan yang dibuat oleh isi rumah, firma dan kerajaan mengakibatkan kos lepas kepada masyarakat secara keseluruhan 	<p>Membincangkan isu semasa dari keratan akhbar untuk menunjukkan keadaan kekurangan sumber kewangan, sumber manusia dan tanah</p> <p>Mengenal pasti pilihan yang terbaik bagi menyelesaikan masalah kekurangan serta membincangkan faedah yang diperoleh dan kos lepas yang terlibat</p> <p>Membahaskan kos lepas yang dihadapi masyarakat akibat dari sesuatu pilihan yang dibuat oleh isi rumah, firma dan kerajaan</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM
TINGKATAN 4

Bidang / Unit Pembelajaran	Isi Kandungan	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran
<p>b. Jenis barang</p>	<p>Jenis barang</p> <ul style="list-style-type: none"> • barang percuma • barang awam • barang ekonomi 	<p>Memahami jenis-jenis barang</p> <p>Aras I</p> <ul style="list-style-type: none"> • mengenal pasti barang percuma, barang awam dan barang ekonomi dari satu senarai yang diberi <p>Aras II</p> <ul style="list-style-type: none"> • menghuraikan ciri-ciri barang percuma, barang awam dan barang ekonomi <p>Aras III</p> <ul style="list-style-type: none"> • membandingkan antara barang percuma, barang awam dan barang ekonomi 	<p>Membandingkan ciri-ciri air sungai, air mineral dan air paip dari sudut ekonomi</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM
TINGKATAN 4

Bidang / Unit Pembelajaran	Isi Kandungan	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran
1.2 Masalah asas ekonomi	<p>Masalah asas ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> • apa yang hendak dikeluarkan • berapa yang hendak dikeluarkan • bagaimana hendak dikeluarkan • untuk siapa dikeluarkan 	<p>Mengetahui masalah asas ekonomi</p> <p>Aras I</p> <ul style="list-style-type: none"> • menyatakan masalah asas ekonomi <p>Aras II</p> <ul style="list-style-type: none"> • menerangkan bagaimana setiap masalah asas ekonomi diselesaikan 	<p>Simulasi tiga negara yang cuba membuat keputusan tentang apa, berapa, bagaimana dan untuk siapa barang dikeluarkan berdasarkan sumber yang diberi</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM
TINGKATAN 4

Bidang / Unit Pembelajaran	Isi Kandungan	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran
<p>1.3 Sistem ekonomi dan penyelesaian masalah asas ekonomi</p>	<p>Ciri-ciri sistem ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> • kapitalis/pasaran bebas • perancangan pusat • campuran • Islam <p>Cara sistem ekonomi menyelesaikan masalah asas ekonomi</p>	<p>Mengenali pelbagai sistem ekonomi dan bagaimana setiap sistem ekonomi menyelesaikan masalah asas ekonomi</p> <p>Aras I</p> <ul style="list-style-type: none"> • mengenal pasti pelbagai sistem ekonomi • menerangkan ciri-ciri setiap sistem ekonomi • memberi contoh negara untuk setiap sistem ekonomi <p><i>Nota:</i></p> <p><i>i. Menerangkan sistem ekonomi Islam sebagai salah satu contoh sistem ekonomi campuran yang berlandaskan syariat Islam</i></p> <p><i>ii. Ciri-ciri utama sistem-sistem ekonomi dibincangkan dari segi pemilikan faktor, pembuat keputusan, pilihan, penentu harga, persaingan dan motif serta contoh negara yang mirip kepada sesuatu sistem</i></p> <p>Aras II</p> <ul style="list-style-type: none"> • menerangkan bagaimana setiap sistem ekonomi menyelesaikan masalah asas ekonomi • membezakan antara sistem ekonomi kapitalis dengan sistem ekonomi perancangan pusat 	<p>Menilai cara barang dan perkhidmatan diperuntukkan oleh setiap sistem ekonomi dan membandingkan kebaikan dan kelemahan setiap sistem</p> <p>Membuat satu kajian kes tentang sistem ekonomi yang diamalkan di sesebuah negara dari segi pemilikan sumber ekonomi, pembuat keputusan, pilihan, penentu harga, persaingan dan motif keuntungan</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM
TINGKATAN 4

Bidang / Unit Pembelajaran	Isi Kandungan	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran
		<p>Aras III</p> <ul style="list-style-type: none">• membandingkan cara penyelesaian masalah asas ekonomi antara sistem ekonomi kapitalis dengan sistem ekonomi campuran dan antara sistem ekonomi perancangan pusat (sosialis) dengan sistem ekonomi campuran	

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM
TINGKATAN 4

Bidang / Unit Pembelajaran	Isi Kandungan	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran
<p>2.0 Pendapatan dan Penggunaan Pendapatan Individu</p> <p>2.1 Pemilihan pekerjaan</p>	<p>Jenis-jenis pekerjaan dalam sektor ekonomi</p> <ul style="list-style-type: none"> • sektor utama • sektor kedua • sektor ketiga <p>Faktor-faktor pemilihan pekerjaan</p> <ul style="list-style-type: none"> • upah wang • faedah sampingan seperti perubatan, tempat tinggal, pengangkutan dan cuti 	<p>Mengenal jenis-jenis pekerjaan mengikut sektor ekonomi dan faktor-faktor yang mempengaruhi individu dalam memilih sesuatu pekerjaan</p> <p>Aras I</p> <ul style="list-style-type: none"> • mengenal pasti jenis-jenis pekerjaan dalam komuniti dan negara Malaysia • memadankan jenis-jenis pekerjaan dengan sektor ekonomi • menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan pekerjaan <p><i>Nota:</i> <i>Faktor-faktor lain juga mempengaruhi pemilihan sesuatu pekerjaan seperti minat, suasana tempat kerja, pengaruh keluarga/rakan/guru, pengalaman dan kemahiran, jarak, prospek, kelayakan akademik dan keadaan ekonomi semasa</i></p> <p>Aras II</p> <ul style="list-style-type: none"> • membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi pilihan pekerjaan <p>Aras III</p> <ul style="list-style-type: none"> • membandingkan peluang-peluang kerjaya dan pekerjaan mengikut sektor-sektor ekonomi 	<p>Menghasilkan buku skrap jenis-jenis pekerjaan dan mengklasifikasikannya mengikut sektor ekonomi</p> <p>Menerangkan jenis-jenis pekerjaan yang ingin diceburi serta memberi sebab-sebabnya</p> <p>Memilih pekerjaan daripada beberapa iklan jawatan kosong atau melalui internet dan memberi sebab mengapa jawatan itu dipilih</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM
TINGKATAN 4

Bidang / Unit Pembelajaran	Isi Kandungan	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran
2.2 Pendapatan individu	<p>Maksud pendapatan individu</p> <p>Jenis pendapatan individu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Upah/gaji • Faedah • Sewa • Untung • Bayaran pindahan • Dividen <p>Sumber pendapatan individu</p> <ul style="list-style-type: none"> • Bekerja sendiri • Bekerja dengan orang lain • Punca-punca lain 	<p>Mengetahui maksud, jenis dan sumber-sumber pendapatan individu</p> <p>Aras I</p> <ul style="list-style-type: none"> • mentakrifkan pendapatan individu • mengenal pasti jenis-jenis pendapatan individu • menerangkan sumber-sumber pendapatan individu seperti bekerja sendiri, bekerja dengan orang lain dan punca-punca lain (pulangan daripada tabungan, pelaburan, pembelian saham, pendapatan harta benda dan pencen) <p><i>Nota:</i> <i>Dalam Islam, faedah (riba') tidak dibenarkan tetapi dividen diberi berdasarkan keuntungan</i></p> <p>Aras II</p> <ul style="list-style-type: none"> • menghuraikan maksud upah, faedah, sewa, untung, bayaran pindahan dan dividen • membezakan antara upah benar dengan upah wang • mengira faedah dan untung 	<p>Mengisi borang soal selidik untuk mengetahui butir-butir pendapatan ibu bapa/individu</p> <p>Menganalisis hasil dapatan soal selidik dan mengira pendapatan ibu bapa/individu</p> <p>Mengatur satu strategi bagi menambah pendapatan individu</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM
TINGKATAN 4

Bidang / Unit Pembelajaran	Isi Kandungan	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran
2.3 Pendapatan boleh guna	<p>Maksud pendapatan boleh guna</p> <p>Potongan pendapatan</p> <ul style="list-style-type: none"> • jenis potongan • sebab potongan dibuat • cara mengira potongan <p>Pengiraan pendapatan boleh guna</p>	<p>Memahami konsep pendapatan boleh guna</p> <p>Aras I</p> <ul style="list-style-type: none"> • mengenal pasti pelbagai potongan wajib daripada pendapatan individu iaitu caruman KWSP, zakat (bagi orang Islam sahaja), cukai pendapatan perseorangan dan PERKESO • menerangkan maksud pendapatan boleh guna <p>Aras II</p> <ul style="list-style-type: none"> • menghuraikan pelbagai potongan wajib • menerangkan sebab-sebab potongan tersebut dibuat <p>Aras III</p> <ul style="list-style-type: none"> • mengira pendapatan boleh cukai, cukai pendapatan dan pendapatan boleh guna <p><i>Nota: Bayaran zakat ditolak daripada jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar</i></p>	<p>Mengumpul dan mengkaji risalah cukai pendapatan, zakat dan KWSP</p> <p>Mengenal pasti syarat-syarat dan kadar potongan serta mengira potongan KWSP, cukai pendapatan, zakat dan pendapatan boleh guna</p> <p>Mengira pendapatan boleh guna ibu bapa/penjaga murid berdasarkan contoh yang diberi</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM
TINGKATAN 4

Bidang / Unit Pembelajaran	Isi Kandungan	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran
<p>2.4 Penggunaan pendapatan boleh guna</p> <p>a. Keperluan dan kehendak</p>	<p>Keperluan dan kehendak individu</p> <p>Perbezaan antara keperluan asas dengan kehendak</p>	<p>Memahami konsep keperluan dan kehendak individu</p> <p>Aras I</p> <ul style="list-style-type: none"> mengenal pasti keperluan dan kehendak individu <p><i>Nota:</i> <i>Keperluan terdiri daripada keperluan asas dan keperluan lain seperti pendidikan, kesihatan dan keselamatan</i></p> <p>Aras II</p> <ul style="list-style-type: none"> membezakan ciri-ciri keperluan asas dengan kehendak individu 	<p>Menyenarai keperluan dan kehendak mengikut kepentingan dan membincangkan perbezaannya</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM
TINGKATAN 4

Bidang / Unit Pembelajaran	Isi Kandungan	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran
<p>b. Belanjawan peribadi</p>	<p>Belanjawan peribadi</p> <ul style="list-style-type: none"> • jenis perbelanjaan peribadi • kepentingan belanjawan peribadi • penyediaan belanjawan peribadi 	<p>Memahami belanjawan peribadi</p> <p>Aras I</p> <ul style="list-style-type: none"> • menyenaraikan perbelanjaan peribadi untuk barang tahan lama, barang tidak tahan lama dan perkhidmatan • menyatakan maksud belanjawan peribadi <p>Aras II</p> <ul style="list-style-type: none"> • menerangkan langkah-langkah menyediakan belanjawan peribadi • membincangkan kepentingan belanjawan peribadi <p>Aras III</p> <ul style="list-style-type: none"> • menghasilkan satu jadual belanjawan peribadi 	<p>Mengisi borang soal selidik tentang sumber pendapatan dan perbelanjaan keluarga</p> <p>Merumus kepentingan belanjawan peribadi berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada soal selidik</p> <p>Menyediakan belanjawan peribadi masing-masing dan merumuskan kepentingannya</p>

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN EKONOMI ASAS KBSM
TINGKATAN 4

Bidang / Unit Pembelajaran	Isi Kandungan	Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran
